



SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

14 OGOS 2019

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

14 Ogos 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada hari ini jam 11.00 pagi menunjukkan 1 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 63 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana, **1 stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat iaitu di stesen Miri, Sarawak (IPU 121), 2 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sangat tidak sihat iaitu di stesen Sri Aman, Sarawak (IPU 239) dan SK Kuala Baram 2, Miri, Sarawak (IPU 268) dan 1 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap berbahaya iaitu stesen ILP Miri, Sarawak (IPU 361).**

Peningkatan bacaan IPU pada tahap Sangat Tidak Sihat di Sri Aman (IPU 268) adalah disebabkan kebakaran kecil belukar tanah gambut yang berlaku di beberapa kawasan di Sri Aman dan diburukkan lagi dengan jerebu merentas sempadan kesan dari kebakaran di Kalimantan. Manakala stesen stesen ILP Miri, Sarawak (IPU 361) mencatatkan bacaan Berbahaya dan SK Kuala Baram 2, Miri, Sarawak (IPU 268) mencatatkan bacaan Sangat Tidak Sihat adalah disebabkan kebakaran belukar tanah gambut yang berhampiran dengan stesen-stesen kualiti udara.

Di samping itu, kebakaran hutan yang berlaku Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat

Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak dan menyebabkan status kualiti udara negara pada tahap sederhana

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa. JAS juga menyalurkan bacaan IPU tersebut kepada ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak untuk tindakan susulan ahli-ahli tersebut. Selain itu, JAS dengan kerjasama ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dan agensi-agensi lain yang terlibat seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Meteorologi akan meneruskan usaha memantau keadaan cuaca berjerebu, mengawal kebakaran tempatan dan memastikan ianya terkawal serta dapat dipadamkan.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **13 Ogos 2019**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 19, 4 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, Indonesia, 19 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan, Indonesia dan 3 titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara iaitu di negeri Sabah (2) dan Pahang (1). Terdapat titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **13 Ogos 2019** (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran tanah dan hutan di kawasan Riau dan Jambi dan lingkaran asap jerebu turut kelihatan di Kalimantan Barat, Kalimantan Timur dan Kalimantan Tengah, Indonesia. Arah pergerakan angin dari arah Barat Laut telah membawa asap jerebu dari kawasan Sumatera dan Kalimantan yang terjejas ke kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di bahagian Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-kawasan tersebut.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim


Dikeluarkan pada: 11.00 pagi, 14 Ogos 2019

Maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Mashitah Darus Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-2983395	En. Wan Aminordin Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-7000840
--	---

PETA JEREBU SERANTAU 13 OGOS 2019

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation



There were scattered shower activities over the northern ASEAN region today. In the southern ASEAN region, weather remained generally dry except for isolated showers over Malaysia, northern and central parts of Sumatra and northern parts of Kalimantan. Persistent hotspots with smoke haze continued to be detected in Riau and Jambi, Sumatra. Hotspots with smoke haze were also detected in West, Central and East Kalimantan. In particular, moderate to dense smoke haze was observed from persistent hotspot clusters near Palangkaraya in Central Kalimantan. Some smoke haze from the persistent hotspots in West Kalimantan were blown by the prevailing winds to western Sarawak.

Updated 7:38 PM 13 Aug

Weather and Haze Outlook

For the next few days, some showers are forecast over the northern ASEAN region, with the prevailing winds blowing from the southwest or west. In the southern ASEAN region, dry conditions can be expected to persist, but there may be isolated showers over Malaysia, and some parts of Sumatra and Kalimantan. The prevailing winds are forecast to blow from the southeast or southwest. Hotspot activities in Sumatra and Kalimantan are likely to persist.

Updated 7:38 PM 13 Aug



BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 13 OGOS 2019

TARIKH : 13 OGOS 2019
HARI : SELASA
SATELIT : NOAA19

NEGARA : MALAYSIA		
BIL.	NEGERI	HOTSPOT
1.	JOHOR	0
2.	KEDAH	0
3.	KELANTAN	0
4.	MELAKA	0
5.	NEGERI SEMBILAN	0
6.	PAHANG	1
7.	PERAK	0
8.	PERLIS	0
9.	PULAU PINANG	0
10.	SABAH	2
11.	SARAWAK	0
12.	SELANGOR	0
13.	TERENGGANU	0
14.	W. P. KUALA LUMPUR	0
15.	W. P. LABUAN	0
16.	W. P. PUTRAJAYA	0
JUMLAH HOTSPOT		3

NEGARA SERANTAU		
BIL.	NEGARA	HOTSPOT
1.	SUMATERA	4
2.	KALIMANTAN	19
3.	BRUNEI	0

BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 11.00 PAGI, 14 OGOS 2019

CAQM KU Current API Value & Class			
STATION ID	LOCATION	Date/Time: 14/08/2019 11:00	
		API	CLASS
CA01R	Kangar, PERLIS	62**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	54**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	68**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	72**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	69**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	71**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	71**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	72**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	79**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	67**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	75**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	65**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	74**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	57**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	73**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	72**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	76**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	69**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	69**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	69**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	70**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	71**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	79**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	69**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	66**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	67**	Moderate
CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	68**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	66**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	72**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	68**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	62**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	63**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	58**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	55**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	52**	Moderate

CAQM KU Current API Value & Class

STATION ID	LOCATION	Date/Time: 14/08/2019 11:00	
		API	CLASS
CA66J	Tangkak, JOHOR	64**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	69**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	75**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	62**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	60**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	56**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	55**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	56**	Moderate
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	63**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	60**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	51**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	55**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	35**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	54**	Moderate
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	60**	Moderate
CA51S	Kimanis, SABAH	58**	Moderate
CA52S	Keningau, SABAH	66**	Moderate
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	77**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	62**	Moderate
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	361**	Hazardous
CA56Q	Miri, SARAWAK	121**	Unhealthy
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	72**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	72**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	68**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	61**	Moderate
CA61Q	Sibu, SARAWAK	66**	Moderate
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	70**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	239**	Very Unhealthy
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	71**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	73**	Moderate

Summary CAQM KU (Current API Value & Class)

API Class	Number of Areas
Good	1
Moderate	61
Unhealthy	1
Very Unhealthy	1
Hazardous	1
NA	0

MCAQM KU (Current API Value & Class)

STATION ID	LOCATION	Date/Time:14/08/2019 11:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	89**	Moderate
MCAQM002	SK Kuala Baram 2	268**	Very Unhealthy
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	68**	Moderate

* = Particulate Matter (**PM₁₀**) || a = Sulphur Dioxide (**SO₂**) || b = Nitrogen Dioxide (**NO₂**) || c = Ozone (**O₃**) || d = Carbon Monoxide (**CO**) || & = 2 or more parameter with same index ||

